LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG,
MALAYSIA

LKIM

Tel : 603-8064 9000
Faks(fax) : 603-8060 3546
Laman Web(web): http://lkim.gov.my

Rujukan LKIM: PSM(S)406/533
Tarikh : 28 Disember 2015

SEPERTI EDARAN

Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BAGI JAWATAN

1) **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F38**
2) **PENOLONG JURUAUDIT GRED W36**
3) **PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E32**
4) **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N26**
5) **PEMBANTU JURUAUDIT GRED W26**
6) **PEMBANTU EHWAL EKONOMI GRED E22**
7) **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N22**
8) **PEMBANTU AKAUNTAN GRED W22**
9) **JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT22**
10) **PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP14**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk memaklumkan bahawa Pihak Pengurusan LKIM akan mengadakan urusan pemangkuan bagi jawatan diatas dan dengan ini sukacita mempelawa pegawai-pegawai yang **berminat dan memenuhi kriteria** dibawah untuk dipertimbangkan iaitu:

a) Telah disahkan dalam jawatan semasa

b) diperakukan oleh Pengarah Bahagian/Pengarah Negeri;

c) tempoh berkhidmat dijawatan semasa berserta jumlah kekosongan dan penempatan adalah seperti berikut

Bil.	Jawatan/Gred	Tahun Berkhidmat Di Gred Semasa	Kekosongan	Penempatan
1.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F38	Berkhidmat 3 tahun dan ke atas di Gred F32	1	1) Ibu Pejabat LKIM
2.	Penolong Juruaudit Gred W36	Berkhidmat 3 tahun dan ke atas di Gred W32	1	1) Ibu Pejabat LKIM

Bil.	Jawatan/Gred	Tahun Berkhidmat Di Gred Semasa	Kekosongan	Penempatan
3.	Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E32	Berkhidmat 6 tahun dan ke atas di Gred E27	7	1) LKIM Pulau Pinang 2) LKIM Negeri Pahang – 2 kekosongan 3) LKIM Negeri Kelantan 4) LKIM Negeri Melaka 5) Ibu Pejabat LKIM – 2 kekosongan
4.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26	Berkhidmat 3 tahun dan ke atas di Gred N22	1	1) LKIM Negeri Terengganu
5.	Pembantu Juruaudit Gred W26	Berkhidmat 6 tahun dan ke atas di Gred W22	1	1) Ibu Pejabat LKIM
6.	Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E22	Berkhidmat 11 tahun dan ke atas di Gred E17	4	1) LKIM Negeri Selangor 2) LKIM Wilayah III Miri 3) Ibu Pejabat LKIM – 2 kekosongan
7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22	Berkhidmat 11 tahun dan ke atas di Gred N17	1	1) LKIM Negeri Pahang
8.	Pembantu Akauntan Gred W22	Berkhidmat 11 tahun dan ke atas di Gred W17	1	1) LKIM Wilayah Persekutuan Labuan
9.	Juruteknik Komputer Gred FT22	Berkhidmat 11 tahun dan ke atas di Gred FT17	1	1) Ibu Pejabat LKIM
10.	Pengawal Keselamatan Gred KP14	Berkhidmat 6 tahun dan ke atas di Gred KP11	1	1) Ibu Pejabat LKIM

pada tarikh iklan ditutup;

d) bebas dari hukuman tatatertib;

e) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang ditetapkan; dan

f) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan.

2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang LKIM/PSM-1/2016** seperti dilampirkan dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen yang bertanda dalam senarai seperti di **Lampiran A**.

3. Calon-calon yang memohon hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan di negeri yang berkenaan.

4. Dimaklumkan juga bahawa tarikh tutup iklan permohonan pemangkuan bagi jawatan-jawatan ini adalah pada **21 Januari 2016**. Semua permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong, Selangor
(u/p: Unit Perjawatan Dan Perkhidmatan)

5. Pihak Tuan/Puan dipohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan hanya mengemukakan permohonan daripada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti yang terkandung didalam surat edaran ini. Permohonan **yang lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana di senarai semak **tidak akan dipertimbangkan**. Sila akui penerimaan surat ini dengan mengembalikan borang seperti di **Lampiran B**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ZAID BIN MOHD NOR)
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
b.p. Ketua Pengarah LKIM

s.k.: - KP LKIM
- TKP (Pembangunan)
- TKP (Pengurusan)